

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN
KE-25 PENUBUHAN BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD

TEMPAT: HOTEL SHANGRI-LA KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 24 OCT 1990

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam
sejahtera.

Yang Berbahagia Dato' Hanafiah Hussain
Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputra Malaysia Berhad
Dif-dif Kehormat

Tuan-tuan dan puan-puan

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato'
Hanafiah Hussain serta pihak pengurusan Bank Bumiputra
kerana menjemput saya ke majlis makan malam sempena Sambutan
Ulangtahun ke-25 Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Kerajaan
berharap sambutan ini akan memperingatkan kita semula
mengenai segala harapan dan cita-cita kaum bumiputera
apabila Bank Bumiputra ditubuhkan 25 tahun dahulu. Dengan
itu pihak pengurusan dan kakitangan bank ini hendaklah
memperbaharui azam dan tekad untuk memenuhi harapan besar
rakyat bumiputera yang mengasaskan penubuhan Bank Bumiputra.

Tuan-tuan dan puan-puan

2. Tiga hari yang lalu kita berjaya mengadakan pilihanraya
umum yang ke-lapan. Barisan Nasional telah diberi mandat
sekali lagi oleh rakyat untuk mentadbir Malaysia bagi lima
tahun yang akan datang. Mandat yang diberikan adalah sangat
meyakinkan oleh kerana Barisan Nasional menang lebih
daripada dua-per-tiga jumlah kerusi yang dipertandingkan.
Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-
tinggi penghargaan kepada para penyokong Barisan Nasional,
terutamanya penduduk luarbandar yang pada umumnya terus
menyokong Barisan Nasional. Nampaknya mereka di luarbandar
lebih arif tentang perlunya ditubuhkan sebuah kerajaan
berbilang kaum yang kukuh untuk mentadbirkan negara majmuk
seperti Malaysia ini. Insya-Allah kerajaan Barisan Nasional
akan terus mentadbirkan negara ini dengan penuh
tanggungjawab dan berwibawa untuk menentukan negara terus
aman, stabil dan makmur.

3. Barisan Nasional memang memerlukan mandat yang kukuh
untuk melaksanakan berbagai-bagai rancangan untuk memesatkan
lagi pembangunan serta kesejahteraan rakyat. Salah satunya
ialah mewujudkan satu pusat kewangan atau financial centre
yang kukuh dan cangguh atau sophisticated di negara kita
iaitu di Kuala Lumpur. Kerajaan sedar bahawa proses
mewujudkan pusat sedemikian memerlukan masa yang panjang dan
semua komponen sektor kewangan hendaklah dimajukan setapak
demi setapak. Kita berbangga kerana institusi-institusi

kewangan seperti bank-bank saudagar, bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan, syarikat-syarikat insurans dan lain-lain institusi yang berkaitan telah dimajukan ke tahap di mana kita boleh mewujudkan sebuah pusat kewangan yang kompetitif dan terkenal.

4. Kita juga memerlukan sebuah pasaran modal atau capital market yang berdaya maju. Dengan adanya Bursa Saham Kuala Lumpur serta pasaran sekuriti kerajaan, pasaran modal kita pun boleh dimajukan lagi untuk meningkatkan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat kewangan yang kukuh. Dengan wujudnya sebuah kerajaan yang terus kukuh, politik yang tidak sihat tidak akan dapat mengganggu proses pembangunan sektor kewangan seperti yang berlaku kepada banyak negara yang lemah pemerintahannya.

5. Sebelum ini pun Kuala Lumpur telah disebut oleh beberapa buah majalah sebagai salah satu pusat kewangan yang mungkin dapat menarik perhatian usahawan-usahawan yang ingin memindahkan pusat operasi mereka. Kerajaan akan berusaha supaya Kuala Lumpur dapat menarik para usahawan dari negara-negara asing yang sedang menimbang untuk memindahkan pusat operasi mereka ke negara-negara lain.

6. Sehubungan dengan ini kerajaan berharap pihak pengurusan dan kakitangan Bank Bumiputra akan menyedari pentingnya mereka memastikan bank ini terus maju dan kukuh. Asas pemulihan bank ini, setelah ia mengalami peristiwa penyelewengan BMF, sudahpun menunjukkan kesan yang baik. Marilah kita bertekad untuk mengharumkan semula nama Bank Bumiputra dengan keupayaan yang maksima dalam memberi perkhidmatan kepada para pelanggan khususnya kepada bumiputera. Sekali lagi saya ingin mengingatkan semua pihak bahawa Bank Bumiputra ditubuhkan untuk mengatasi masalah kewangan bumiputera. Pertumbuhannya sehingga pada satu masa menjadi bank tempatan yang terbesar adalah perkara yang kedua. Penyimpangan Bank Bumiputra daripada matlamat ini oleh pengarah, pengurusan dan orang-orang tertentu di masa dulu adalah punca berlakunya skandal BMF.

Tuan-tuan dan puan-puan

7. Dalam usaha memajukan masyarakat bumiputera, Bank Bumiputra hendaklah mengkaji pendekatannya supaya bumiputera lebih faham akan kemudahan yang boleh diberi oleh bank ini. Seperti mana Permodalan Nasional Berhad atau PNB berjaya meningkatkan pengetahuan bumiputera dalam bidang pelaburan, Bank Bumiputra juga harus ada unit-unit yang memberi penjelasan kepada golongan bumiputera tertentu, seperti peniaga kecil dan orang yang berpendapatan rendah, supaya mereka lebih memahami bagaimana menggunakan fasiliti bank ini. Cawangan-cawangan bank ini hendaklah ditubuhkan dengan meluasnya di kawasan-kawasan luar bandar. Di samping itu sistem pengawasan semua pegawai dan kakitangan, dari atas sehingga ke bawah, hendaklah diperkukuhkan.

8. Etika bank hendaklah diperluaskan bukan sahaja di kalangan pegawai dan kakitangan tetapi juga di kalangan

pelanggan. Ada bukti yang menunjukkan bahawa sebahagian daripada masyarakat di Malaysia tidak memandang berat terhadap menepati janji bila berhutang. Kerana mereka ini mungkir janji maka seluruh masyarakat telah kehilangan kredibiliti dan terpaksa menghadapi masalah. Tindakan mestilah diambil terhadap mereka untuk dijadikan teladan. Walau bagaimanapun jika tidak ada usaha meningkatkan pengetahuan dan etika para pelanggan maka kesalahan mestilah dibahagikan antara yang memberi dan yang menerima hutang. Tuan-tuan dan puan-puan

9. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Bank Bumiputra kerana menjemput saya ke majlis ini. Adalah diharapkan Bank ini akan terus maju dan terus berupaya menjadi institusi kewangan yang berkesan. Saya mengucapkan selamat menyambut ulangtahun yang ke-25 kepada pihak pengurusan dan seluruh kakitangan Bank Bumiputra Malaysia Berhad.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.